

FAHAM KEBENDAAN: PANDANGAN KRITIS ABŪ AL-HASAN ‘ALĪ AL-NADWĪ*

Oleh:
Mohamad Kamil Hj Ab Majid

Abstract

Abū al-Hasan Alī al-Nadwī is one of the great contemporary Muslim thinker who criticized Western civilization. This article tries to review his perception and opinion about Western's materialism and how he interpret it as a "Dajjal" as mentioned in the tradition of the Prophet s. 'a.w.

PENDAHULUAN

Pada tahun 1999 iaitu tahun terakhir bagi abad ke 20M, dunia Islam kehilangan beberapa orang tokoh ilmuan dan pemikir yang masyhur dan berperanan besar dalam masyarakat Islam. Mereka adalah Syeikh ‘Abd al-‘Azīz Ibn Bāz dari Arab Saudi, Syeikh ‘Alī al-Tantāwī dari Mesir, Syeikh Nāsir al-Dīn al-Albānī dari Syria dan Abū al-Hasan ‘Ali al-Nadwī dari India.

Artikel ini secara khusus akan membincangkan tentang salah seorang dari mereka iaitu tokoh yang disebut oleh al-Qaradāwī sebagai *Imām Rabbānī Islāmī Qur’ānī* dan *Muhammadi*. Dimaksudkan dengan *Rabbānī* oleh al-Qaradāwī kerana tokoh ini adalah seorang ulama yang beriltizam dengan ilmu, amal dan dakwah. Beliau mempunyai akhlak yang terpuji dan tidak terlibat dengan perkara bid’ah atau sikap melampau dalam akidah mahu pun tingkah laku.

Islāmī merujuk kepada Islam yang mendarah daging dalam dirinya. Seluruh kehidupan beliau samada dalam ucapan mahu pun tulisan, malah seluruh kegiatan hidup beliau terfokus kepada usaha memajukan Islam. Sementara *Qur’ānī* diberikan oleh al-Qaradāwī justeru al-Qur’an adalah asas dan sumber al-Nadwī dalam ibadat dan pemikiran, ucapan dan tulisan mengambil sumber dari kitab suci itu sebagai asas.

Muhammadi gelaran yang diberikan bukan sekadar kerana beliau berketurunan dari ahli Bait, tetapi lebih dari itu beliau menjadikan Nabi Muhammad sebagai ikutan

* Artikel ini merupakan kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Pemikiran Sayyid Abū al-Hasan ‘Ali al-Nadwī, anjuran Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang telah diadakan di Dewan al-Malik Faisal, Pusat Matrikulasi, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Petaling Jaya, Selangor, pada 14 Mei 2000.

termasuk hidup secara zuhud. Pembicaraan beliau tentang Nabi Muhammad bukan sekadar perbahasan ilmiah tetapi juga sebagai perbincangan daripada seorang kekasih, pencinta dan pengkagum yang boleh dilihat dari bukunya *al-Sīrah al-Nabawiyah*.

Al-Qaradāwī mensifatkan al-Nadwī sebagai guru dan kekasihnya. Inilah suatu pengakuan dari seorang ulama besar semasa terhadap al-Nadwī yang sudah tentu menunjukkan kualiti tinggi yang ada pada al-Nadwī. Oleh itu tidak keterlaluan al-Nadwī digolongkan dalam kualiti tokoh ulama dan pemikir Islam abad ke-20M seperti Syed Qutb, al-Maudūdī, Muhammad al-Ghazzālī dan seumpamanya.

Kehebatan al-Nadwī terserlah sejak tahun 1950M./1369H. lagi dengan penerbitan bukunya *Mādhā Khasira al-'Alam bi Inhiṭāt al-Muslimin* yang diakui oleh al-Qaradāwī dan berdasarkan kata pendahuluan yang diberikan oleh Dr. Yūsuf Mūsā, Syed Qutb dan Dr. Aḥmad al-Sharbasi.

Abū al-Ḥasan Alī al-Nadwī dilahirkan di kampung Takiyah di daerah Rai Brilli, Utara India pada bulan Muḥarram 1332H. Asal keturunan berbangsa Arab. Syeikh Syed Qutub al-Dīn Ibn Muḥammad al-Madani merupakan datuk pertama dari keluarga ini yang berhijrah ke India pada tahun 607H. Qutub al-Dīn ini adalah cucu kepada Syeikh 'Abd al-Qādir al-Jilānī. Sementara bapa Abū al-Ḥasan iaitu 'Abd al-Ḥayy al-Ḥusni adalah seorang pengarang. Abang beliau 'Abd 'Alī Ibn 'Abd al-Ḥayy seorang doktor perubatan lulusan Nadwah al-Ulama dan Kolej Deoband. Beliau juga kelulusan Universiti Lucknow dengan pangkat cemerlang. Beliaulah yang bertanggung jawab mendidik Abū al-Ḥasan kerana bapa mereka meninggal dunia ketika Abū al-Ḥasan masih berusia sembilan tahun.

Abū al-Ḥasan memasuki gerbang ilmu dengan mengaji al-Qur'an di ikuti dengan belajar bahasa Urdu dan Farsi. Ketika usia mencapai dua belas tahun dipelajari pula bahasa Inggeris, bahasa dan kesusasteraan Arab. Buku-buku sastera Arab tinggi sudah menjadi bacaan beliau ketika itu seperti *Kalīlah wa Dimnah*, *Nahj al-Balāghah*, dan sebagainya sehinggalah beliau menyambung pengajian di Universiti Lucknow.

Beliau dikatakan pelajar termuda dari segi usianya memasuki universiti tersebut yang memberikan pengajaran dalam bahasa Arab dan Inggeris. Setamatnya di Lucknow University beliau memasuki Nadwah al-Ulama' untuk mendalami ilmu hadith di samping itu beliau belajar lagi di Dār al-'Ulūm, Deoband.

Ketika usia 17 tahun Abū al-Ḥasan mula menulis dan tulisan pertama beliau tersiar dalam majalah *al-Manār* pimpinan Rashīd Riḍā mengenai biografi Aḥmad 'Irfān al-Syahīd, tokoh dakwah dan *mujāhid* terkenal di India.

Semasa berada di Lahore pula beliau mendalami ilmu tafsir dan mengambil kesempatan bertemu dengan ulama dan pemikir besar termasuk Muḥamad Iqbāl. Ertinya, Abū al-Ḥasan tidak hanya menumpukan pembelajaran secara yang formal sahaja, tetapi banyak mendapatkan ilmu pengetahuan secara pengajian bebas, sehinggalah beliau kembali ke Lucknow dan dilantik menjadi pensyarah di Dār al-

'Ulūm Nadwah al-Ulama. Di samping itu beliau menulis dalam majalah *al-Dhiyā'* pimpinan Mas'ūd al-Nadwī.

Sesudah berpindah ke Delhi beliau bertemu dengan Syeikh Ilyās yang mengubah banyak sejarah hidupnya. Syeikh Ilyās seorang pemimpin rakyat yang popular. Sedangkan Abū al-Ḥasan sebelum ini tidak banyak bercampur dengan masyarakat kerana tumpuan banyak di bidang akademik. Lalu beliau mula mendekati masyarakat dengan memasuki bandar dan desa.

Abū al-Ḥasan kemudian memimpin majalah *al-Nadwah*. Pada usia tiga puluhan bukunya yang cukup terkenal dan menjadi rujukan umum *Mādhā Khasira al-'Ālam bi Inḥitāt al-Muslimīn* diterbitkan (1945M) dan dicetakkan di Mesir(1950).

Aktiviti beliau di luar bidang keilmuan ialah seperti sukan, berenang, memancing, hoki dan tenis, tetapi beliau cukup tidak suka untuk bergambar yang pada anggapannya sebagai haram di India. Beliau sendiri mengakui antara tokoh yang menjadi idola beliau ialah Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal, Ibn Taymiyyah, Aḥmad al-Sirhindī, Waliyullāh al-Dihlawī.

REVOLUSI ROHANIAH MEMBAWA PERUBAHAN TERAGUNG

Dalam bukunya *Mādhā Khasira al-'Ālam bi Inḥitāt al-Muslimīn* Abū al-Ḥasan pernah menggambarkan tentang dakwah Nabi besar Muhammad s.a.w. sebagai suatu revolusi dan perubahan teragung dalam sejarah. Umat Islam dididik roh mereka oleh baginda dengan Qur'an, hati mereka ditarbiah dengan iman agar tunduk di hadapan Allah secara khusus lima kali sehari. Tunduk dalam keadaan badan yang bersih suci, hati yang khusyu' serta dengan kehadiran akal. Ertinya, pada setiap hari semakin bertambah tinggi pencapaian rohani, semakin bersihlah hati, semakin sucilah akhlak dan semakin bebaslah diri dari runtunan kuasa kebendaan yang akhirnya mampu melawan nafsu dan akan cenderunglah kepada Tuhan Pencipta langit dan bumi.

Demikianlah muslimin, kata Abū al-Ḥasan 'Alī al-Nadwī adalah mereka yang mampu bersabar atas segala bencana yang menimpa sebaliknya menjadi orang yang cukup pemaaf. Lantaran itu bangsa Arab Mekah yang lahir dengan disusui oleh kecintaan kepada perang dapat didamaikan oleh Rasulullah s.'a.w. supaya meletakkan senjata dan mereka diajak bersembahyang.

Orang Yathrib juga dapat bertemu dengan kaum Muhājirīn dalam satu agama. Inilah adalah suatu tanda penguasaan agama yang cukup tinggi malah Islamlah yang mampu menyatukan Aus dan Khazraj yang tidak pernah berhenti dari pertumpahan darah. Ertinya, Islam dilihat sebagai penyelamat kemanusiaan dari fitnah dan bahaya yang mengancam kemanusiaan dan menyeru ke arah *ukhuwwah* dan persaudaraan.

Dengan siraman al-Qur'an yang sentiasa mendidik hati, juga majlis-majlis Rasulullah, menjadikan ilmu bertambah rancak dan nafsu semakin mengalah. Orang berjuang demi mencari keredaan Tuan dan amat rindu kepada syurga. Justeru itu *kufr*

dan *syirik* yang menjadi simpulan sebelum ini dapat dihancurkan. Islam mencapai kemenangan ke atas jahiliyyah.

Demikianlah peristiwa kemenangan jiwa umat yang mengalami perubahan (*inqilāb*) yang cukup agung dan bersejarah. Agung dan bersejarah kerana ia cukup cepat, mantap, meluas dan *syumul*. Lebih dari itu ia mudah difahami, tidak banyak teka-teki dan kesamaran.

Apa yang ingin ditekankan oleh al-Nadwī bahawa Islam itu agama yang memberikan *ma'rifat* yang mendalam, jelas, bersifat kerohanian yang mampu menguasai roh, jiwa, hati dan anggota. Ia membawa kesan kepada akhlak dan sosial. Ia punya kuasa menguasai kehidupan yang mantap. Justeru itu al-Nadwī ingin menyatakan iman adalah *madrasah* akhlak, pendidikan kejiwaan yang mampu memperkasakan penganutnya dengan kemahuan yang jitu dan jiwa yang kukuh.

Iman seperti inilah yang mampu mengawal amanah, kehormatan dan maruah. Iman yang mampu menundukkan keinginan nafsu dan syahwat kerana itu umat Islam mampu melaksanakan amanah dengan secara yang ikhlas. Iman yang disebut sebagai tidak akan tunduk dan takut hanyalah kepada Allah.

Secara kesimpulan Abū al-Hasan 'Alī al-Nadwī menggambarkan perubahan Islami menjadikan kaum muslimin itu memandang enteng dengan perhiasan dunia yang kosong itu, malah memandang hidup sebagai murah berbanding dengan ganjaran akhirat yang menjadikan mereka cukup berani dan merindui syurga Allah.

FAHAM KEBENDAAN (MATERIALISME) MENGGUGAT KEHIDUPAN MUSLIM

Meskipun sejak awal kelahirannya dakwah Islam sentiasa digugat, namun pada pertengahan abad ke-19M problem cukup besar dihadapi oleh umat Islam. Tamadun Barat yang muda, aktif, bercita-cita besar dan cepat terpengaruh itu berdepan dengan tamadun Islam yang umurnya sudah lanjut, lemah dan penganutnya yang jahil. Mahu atau tidak tamadun Islam mesti berdepan juga kerana ia adalah pemimpin risalah agama dan akhlak.

Apabila menyebut tamadun dengan pengertian yang luas - mengandungi di dalamnya himpunan kepercayaan, metodologi berfikir, falsafah dan sistem-sistem politik, ekonomi, sains, pembangunan dan sosial serta pengalaman yang dilalui Barat dan Eropah yang memimpin tamadun kebendaan ini memperlihatkan kemajuan luar biasa dalam bidang ilmu sains dan teknologi.

Dunia Islam pada hemat Abū al-Hasan 'Alī al-Nadwī menghadapi tamadun Barat ini dengan tiga pendekatan.

Pendekatan pertama bersikap negatif. Dunia Islam menolak seratus peratus, menjadi pembangkang total atau paling tidak mengasingkan diri dan tidak mahu

mengambil apa-apa darinya. Lebih ekstrim, tidak membenarkan langsung masuknya sains Eropah dan tidak mahu memanfaatkan pengalaman mereka terutama dalam sains fizik, kimia, matematik dan kejuruteraan. Mereka tidak mahu langsung mengimport alat-alat, industri, persenjataan malah barangan keperluan.

Mengambil sikap pertama ini, kata al-Nadwī, menjadikan dunia Islam terlalu mundur, terputus dari dunia luar dan menjadikannya pulau kecil yang putus hubungan. Lebih dari itu ia membawa imej kesempitan akal, mensia-siakan akal dan pemikiran secara fitrah, malah mungkin suatu jenayah ke atas Islam yang boleh membawa tafsiran salah terhadap ajaran Islam. Justeru Islam sebaliknya mahukan umatnya menggunakan akal dan fikiran membangunkan alam, mendorong umatnya mengambil kebaikan dari sumber mana pun yang ada, malah sebagai khalifah Allah, mereka diuntut supaya menggunakan segala kemudahan di bumi, laut, udara, bulan, matahari. Malahan manusia dituntut menggunakan besi yang membawa imej kekuatan itu.

Jadi kalau ada mana-mana negeri di Dunia Islam yang menolak tamadun ini seratus peratus ia bukan sahaja tidak boleh hidup terasing dari dunia luar. Sebaliknya ia akan menghadapi pemberontakan dalaman yang tidak berkesudahan, kerana ia menentang fitrah. Malahan kata Abū al-Ḥasan lagi, akhirnya negeri itu terancam oleh serangan tamadun dan kebudayaan luar dan gelombang pemodenan. Maka akan hilanglah nanti nilai, kefahaman, prinsip dan tidak lagi mampu bertahan.

Inilah yang ditanyakan oleh Muhammad Asad ketika melawat Dunia Arab pada tahun 1932M apabila dilihatnya kaum Arab di padang pasir, "Selama manakah mereka ini mampu mempertahankan pegangan kuat mereka terhadap rohani mereka dalam menghadapi bahaya yang tidak mengenal rahmat, tetapi penuh tipudaya?". Memang benar, tidak berapa lama kemudian, bumi tandus padang pasir itu akhirnya menjadi kebanjiran dengan barangan moden yang diimport dari Barat, menjadi tempat lambakan barangan mewah dan jazirah Arab ini berhubungan dengan Barat melalui kebudayaan, politik dan petrol.

Apa yang ditakuti oleh Muhammad Asad sudah menjadi kenyataan di mana penerimaan terhadap tamadun barat secara spontan dan tidak berperancangan. Akhirnya, akar umbi kerohanian terancam apalagi sistem tradisional. Kekayaan Dunia Islam dibazirkan oleh keluarga yang mendapat keistimewaan, malah syeikh-syeikh Arab yang dahulunya hidup di padang pasir di bawah khemah sudah hidup mewah seperti kehidupan raja-raja dan anak-anak mereka memiliki kereta berjenama yang mahal-mahal. Bangunan istana didirikan dengan berhawa dingin, kolam renang dan lain-lain.

Semangat yang ditiup oleh iman dan asas-asas Islam yang mengajak kepada hidup secara zuhud dan sederhana semakin hilang. Sebahagian besar dunia Arab menjadi mangsa Barat. Kalau para pemimpin mereka sejak awal lagi cuba merancang

atas asas "Buang yang keruh ambil yang jernih" tentu kebanjiran pengaruh barat tidaklah seteruk itu.

Pendekatan Kedua: Menyerah diri bulat-bulat sebagai pengkagum Barat atau menganggap Dunia Islam sebagai sebahagian dari tamadun Barat. Tanggapan ini menerima sepenuhnya nilai, metodologi, falsafah kebendaan, sistem-sitem; politik, sosial dan sebagainya.

Pengalaman ini sudah dilalui oleh Turki dengan serangan tanpa peperangan tetapi lebih kepada serangan sains dan teknologi. Turki telah mengambil segala sains dari Eropah dari induseri kepada kelengkapan persenjataan, sistem pentadbiran, malah membuang segala kuku dan memotong lidah ulama dan pemimpin agama dari bersuara dan berperanan. Raja-raja ketika itu dengan menggunakan nama agama dan *khilafah* mempertahankan kepentingan mereka yang menjadi sebab kemunduran bangsa Turki sehinggalah kekalahan demi kekalahan dialami.

Walaupun sebahagiannya adalah bersifat peribadi tetapi cukup menimbulkan kemarahan kepada generasi dan mereka yang cukup prihatin dengan keselamatan negara. Pengalaman ini adalah pertama dalam sifat sedemikian.

Mengulas hal ini Abū al-Ḥasan 'Alī al-Nadwī menyifatkan Turki adalah contoh mereka yang hilang keyakinan diri dan tidak ada jatidiri. Dalam menghadapi kondisi dan situasi ketika itu, timbul dua kumpulan umat Islam. Para ulama tradisional yang tidak memahami tuntutan semasa, perkembangan moden dan bahayanya ancaman Eropah ketika itu mengambil langkah menentang pembaharuan yang ingin dilakukan oleh Sultan Salim 111(1789-1807) dan Sultan Mahmud (1808-1839) yang berusaha menyaingi bangsa Eropah dari segi ketenteraan dan keilmuan semasa.

Ada pun generasi muda yang berpendidikan Barat atau lepasan dalam negeri mengikut sistem moden pula mempertikai nilai-nilai agama. Bukan itu sahaja mereka putus asa dengan peranan agama dan tokoh-tokoh agama. Di samping memuja tamadun Barat mereka tidak mempunyai kemampuan mengkritik falsafah hidup Barat dan tidak mengetahui kelemahan tamadun tersebut. Mereka kebanyakan terdiri daripada para tentera dan guru-guru yang terhad pembacaan dan pengetahuan mereka. Sementara ulama *jumud* dalam kepompong *taqlīd*, ada pula yang menjadi pengampu besar. Ini semua memberi saham kepada pembaratan Turki.

Kamal Atatürk berjaya akhirnya menghancurkan Turki Islam dan memisahkan Turki dengan zaman lampainya, memindahkan negara kesultanan kepada negara demokrasi dan menjadikan negara Turki yang berasaskan agama kepada republik.

Langkah-langkah beliau ialah menghalau sultan (khalifah), memutuskan semua hubungan yang berkait dengan Turki sebagai sebuah empayar kepada nasionalis, merubah seluruh mentaliti rakyat dari tradisional kepada moden dalam adat resam, pakaian, akhlak, kebudayaan, cara bercakap, cara hidup berumah tangga. Akhir sekali

Turki disekularkan.

Dalam negara sekular Turki agama dipisahkan dari politik. Agama adalah bersifat peribadi semata-mata. Mereka bebas memilih agama dan agama langsung tidak masuk campur dalam siasah, pentadbiran, dimansuhkan sistem khilafah, mahkamah syara', undang-undang syariah, dimasukkan undang-undang civil swis, undang-undang jenayah Itali, Undang-undang Perdagangan Jerman pengajian agama ditegah, dilarung hijab, memaksa pakaian tidak menutup aurat, menghapus huruf Arab digantikan dengan huruf latin, menegah azan dalam bahasa Arab dan digantikan dengan bahasa Turki, ditukar kupiah dengan topi dan sebagainya. Ertinya, dihancurkan seluruh asas-asas agama dan diubah imej dan wajah bangsa Turki dan kerajaan Turki.

Apa yang menarik, Abū al-Ḥasan 'Alī al-Nadwī menyimpulkan fenomena itu menjadikan pembaratan dan Kamal Atartuk menjadi lambang kemajuan dan revolusi terhadap negara-negara Islam. Mustafa Kamal menjadi idola kepada para pemimpin politik, ahli fikir Islam dari berbagai bangsa dan persekitaran. Ia dikagumi oleh mereka yang cerdik dan bodoh.

Ini boleh difahami daripada kata-kata al-Nadwī, bahawa Kamal telah mampu melepaskan Turki dari suatu suasana yang cukup gawat dan mampu membina kerajaan yang asasnya kuat dan mendapat penghormatan dari Barat. Ketika itu umat Islam amat dahagakan kekuatan politik, kemuliaan dan kebebasan atau kemerdekaan sehingga mereka lupa kepada keberanian rakyat Turki, tetapi kesemua dianggap sebagai buah tangan Kamal Atartuk.

Di tambah lagi pembaharuan Turki menyamai cita-cita golongan pemimpin nasionalis yang memberontak terhadap penjajahan dan memberontak terhadap ajaran agama. Mereka cuba pula membawa bangsa mereka hampir kepada Barat. Walau apapun Kamal tetap mempunyai impak besar kepada umat Islam.

Pendekatan Kedua: Menghadapi Faham Materialisme. Setelah melihat secara kritis dua pendekatan yang kurang sesuai dalam menghadapi pemikiran dan tamadun materialisme, Abū al-Ḥasan 'Alī al-Nadwī memberikan pandangan beliau dalam bukunya *Al-Sirā' Bayn al-Fikrah al-Islāmiyyah wa al-Fikrah al-Gharbiyyah* (cet.11,1968) bahwa pembinaan tamadun memerlukan kebijaksanaan tinggi. Tidak cukup dengan kita mengulangi gerakan pembaratan yang amat silau dengan kemajuan kebendaan yang menjadi fokus Kamal Atartuk hingga kepada Jamaluddin Afghani. Pemikiran yang *mentaqdis*kan kemewahan, melihat secara sampingan segala nilai moral dan kerohanian. Malah tidak dianggap berguna mereka yang kurang mampu menyumbangkan kebendaan.

Apa yang lebih penting, pemikiran seharusnya lebih menjurus kepada memelihara *syakhsiyyah Islāmiyyah* dan peranan umat Islam dalam dunia. Ditekankan soal mengenali misi dan risalah, menekankan nilai akhirat dan selepas mati. Ertinya

suatu perancangan tamadun yang memusatkan kepada aspek akhlak dan kerohanian sebagai garis pemisah antara dua tamadun: Barat dan Islam.

Kita tidak cukup sekadar memindahkan teknologi atau kemajuan kebendaan, merubah dan memperelok tetapi dalam Islam ada nilai *halal-haram*, boleh bermewah namun jangan sampai membazir atau menyentuh hak orang lain. Suatu ungkapan menarik oleh Abū al-Hasan ialah asas tamadun Islam memiliki kelembutan sutera dan kekerasan besi. Selembut sutera dalam menyaingi keperluan semasa tetapi sekeras besi dalam menjaga iman dan akhlak.

Dengan memetik kata-kata Muhammad Asad dalam buku *al-Tariq ila Makkah*, kata beliau dunia sudah menjadi dekat. Pertentangan Barat dan Timur (Islam) adalah pertentangan zahir dan batin. Roh umat Islam semakin mengecil dari tekanan faktor tamadun dan kebudayaan Barat. Mereka meninggalkan agama mereka demi mencari kehidupan yang lebih selesa. Pada hal mereka sepatutnya memperelokkan kerohanian manusia. Mereka jatuh menyembah di hadapan “berhala” kemajuan seperti Barat selepas mereka meremehkan agama.... Setiap peniruan budaya berbeza dengan teknologi, ia akan menghina umat yang menjadi peniru.

Al-Nadwī mengingatkan bukan maksudnya tidak boleh mengambil faedah hasilan Barat terutama dalam sains dan teknologi-justeru pemikiran ilmiah bukanlah peniruan malah dituntut oleh agama-tetapi meniru cara hidup, adat resam, kefahaman sosial Barat sebenarnya tidak membeli apa-apa kelebihan dengan apa yang kita sudah miliki.

Kekosongan yang dihadapi oleh umat Islam menurut al-Nadwī ialah ketiadaan *genius* yang dengan berani mampu menghadapi tamadun Barat dengan iman dan kebijaksanaan. Mereka yang menggabungkan antara iman para nabi dan rasul serta ilmu yang berpunca dari agama yang mendorong ke arah khidmat kemanusiaan dan membina kemajuan. Malah mampu pula mengambil dari tamadun Barat hasilan yang dapat memenuhi tujuan yang baik yang selama ini tidak mampu dilakukan Barat oleh kerana kemuffisan iman itu.

Kepimpinan yang dimaksudkan adalah mereka yang berinteraksi dengan tamadun Barat-dengan ilmu, teori, penemuan dan tenaga-hanya sebagai bahan mentah. Kemudian mereka dapat meletakkan hasilan Barat itu dalam kerangka tamadun semasa yang berasaskan iman, akhlak, taqwa, rahmat dan adil dari satu segi, sementara mereka tidak menganggap Barat sudah menyelesaikan segala masalah. Tamadun barat diambil secara berjujur dengan meninggal yang buruk dan hanya mengambil yang baik. Apa yang diambil itu telah ditapis roh *athiesme* dan sifat permusuhan terhadap agama.

Ertinya, yang diperlukan oleh umat mereka yang tidak menganggap Barat sebagai pemimpin dan imam, tidak menganggap dirinya sebagai murid atau *muqallid*. Mereka melihat Barat sebagai teman di mana mereka perlu belajar banyak perkara dari Barat dan Barat juga perlu belajar banyak perkara dari mereka. Inilah yang dicari-cari oleh

al-Nadwī iaitu mereka yang mampu menggabungkan kebaikan Barat dan Timur serta kekuatan rohaniah dan kebendaan.

TAMADUN BARAT: MUNGKIN ITUKAH DAJJAL

Hadith-hadith yang menerangkan tentang Dajjal dan sifat-sifatnya adalah hadith *mutawātir maknawī* memberikan gambaran ia adalah seorang lelaki yang akan muncul pada suatu masa tertentu dengan sifat tertentu, namun tidak ada tarikh dan masa yang jelas kecuali disebut pada akhir zaman. Ada disebut ia muncul dari kalangan umat Yahudi. Hadith ada menyebut ia muncul di Palestin dengan penuh keagungan. Menariknya justeru Palestin adalah pentas drama dunia yang mengandungi kisah paling menyayat hati tentang pertentangan di antara keimanan dan kebendaan, di antara kebenaran dan kebatilan.

Sifat dan tabiat Dajjal ialah kufur dengan ertikata yang luas. Maksud sabda Rasulullah s.a.w.: *Dicelah-celah dua biji matanya tertulis kufur (kaf, fa, ra). Setiap mukmin dapat membacanya, baik ia seorang celik huruf atau buta huruf*".

Hadith lain pula menyatakan ia seorang pendakwah yang bersemangat, cergas mempengaruhi orang ramai supaya kufur dan menentang agama serta akhlak "*Demi Allah, sesungguhnya seorang lelaki akan mendatangnya dengan menyangka bahawa dia seorang mukmin. Lelaki itu akan mengikutinya kerana sebahagian dari keraguan yang di bawanya (syubahat)*".

Abū al-Hasan 'Alī al-Nadwī dalam bukunya *al-Ṣirā' Bayn al-Islām wa al-Mādiyyah* menyatakan langkah Dajjal amatlah bijak dan mempesonakan sehingga merebak dan berkembang di dalam diri wanita, kanak-kanak perempuan, keluarga dan seorang ketua rumahtangga tidak akan mampu lagi mengawal anak isterinya dari pengaruh Dajjal itu. Malah suami, isteri, pengasuh, saudara-mara semuanya diresapi oleh pengaruh Dajjal.

"Dajjal akan singgah di tanah gersang Murqanah. Orang yang terakhir sekali pergi mendapatkannya ialah kaum wanita, sehinggalah seorang lelaki terpaksa balik mendapatkan ibu, anak perempuan, saudara perempuan dan emak saudaranya lalu mengikatnya bimbang ia juga keluar menyahut panggilan Dajjal". Riwayat al-Tabarānī dari Ibn 'Umar. Sementara Muslim meriwayatkan hadith lain bermaksud: *Akhirnya yang tinggal lagi (hanyalah manusia yang jahat, yang mana mereka adalah ringan laksana burung, berkepala kosong laksana binatang buas. Mereka tidak lagi mengetahui yang makruf itu makruf dan mengingkari yang munkar itu sebagai munkar.*

Al-Nadwī mengatakan itulah gambaran paling benar dan tepat mengenai tamadun Barat yang materialistik, kafir dan berada pada puncak kejayaan. Itulah mukjizat Nabi Muhammad yang dapat memberikan gambaran dan ungkapan yang penuh keajaiban

dan tidak boleh dinafikan.

Tamadun kebendaan itu diibaratkan dengan burung dan binatang buas. Burung yang ringan berterbangan di angkasa dengan menguasai ruang udara. Sedangkan manusia hari ini boleh ringan dan lebih pantas dari burung terbang di udara. Tamadun yang lebih buruk dari binatang buas. Ia menghancurkan negara dan makhluk Allah, membinasakan tanaman dan keturunan manusia dengan ganas dan keji sehingga tidak ada tandingan lagi dalam sejarah.

Kata al-Nadwī lagi, sejarah tidak pernah merakamkan tamadun lain yang lebih zalim, ganas, tidak berperikemanusiaan berlaku semasa manusia mencapai taraf hidup yang tinggi, rezeki yang melimpah ruah dan sumber kebahagiaan serta kemakmuran yang cukup. Justeru tamadun ini tidak mempercayai perkara ghaib, ia memusatkan dan mengorbankan segala tenaga dan daya usaha untuk menambah kemewahan duniawi ini.

Tamadun Dajjal yang ingin menipu, berbohong, mengaburkan fahaman, melabelkan nama yang tidak sepatutnya, memalsukan kebenaran, malah Dajjal pandai mengelirukan cerdik pandai hatta ulama terkemuka. Betapa kuatnya Dajjal dengan tipu muslihatnya dengan dipimpin oleh bapa Dajjal. Dajjal agung adalah merupakan ketua semua Dajjal dan penipu yang tidak asing lagi. Mereka akan terus menolak konsep keimanan kepada hari akhirat, beriman dengan perkara ghaib, beriman dengan Allah. Sebaliknya faham ini hanyalah berpegang kepada perkara nyata yang dapat dilihat oleh pancaindera sahaja. Ia lebih berminat kepada perkara mendapatkan kepuasan kebendaan dan manfaat duniawi. Apa yang dikejar hanyalah yang wujud di alam nyata.

Surah al-Kahfi perlu ditelaah secara cukup mendalam sehingga al-Hakim meriwayatkan: "*Sesiapa yang membaca surah al-Kahfi sebagaimana ia diturunkan, kemudian Dajjal keluar, tidaklah dapat Dajjal itu menguasainya dan tidak ada jalan untuknya menguasai orang itu*".

PENDIDIKAN ASAS MEMBETULKAN KECELARUAN KEFAHAMAN

Demikian serba sedikit pemikiran kritis Abū al-Ḥasan ‘Alī al-Nadwī tentang aliran kebendaan yang merangkumi falsafah, teori dan amalan serta pendukung mereka tanpa mengira nama dan tempat. Sementara masyarakat Islam terdedah kepada fahaman tersebut justeru banyak meminjam sistem pendidikan orang lain. Tokoh ini dengan lantang melalui bukunya *Nahw al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah al-Hurrah* (al-Mukhtār al-Islāmi, 1976) menyarankan agar kembali kepada metodologi Islam dalam pendidikan di mana dalam pembelajaran bahasa, sastera, sains dan lainnya ada roh agama di situ. Ini memerlukan pakar muslim menulis buku-buku teks.

Penulis buku teks seperti dalam sejarah, geografi, fizik yang dapat menggabung

jalinkan antara fakta terkini dengan roh keagamaan (sehinggalah selesai mempelajari geografi, fizik atau sains akan menjadi seorang yang beriman). Pelajar itu akan mengenali bumi tempat dia menumpang sementara ini, dan siapakah penciptanya. Begitulah juga matapelajaran yang lain.

Kurikulum yang disediakan memerlukan para pendidik yang beriman dengan prinsip akidah, mempunyai matlamat dan penuh keikhlasan dengan menggunakan kebijaksanaan yang tinggi dan menjadi contoh kepada para pelajar. Sistem pendidikan ala Barat merosakkan umat. Dengan meminjam kata-kata penyair Akbar al-Ilah Abadi, Abū al-Ḥasan 'Alī al-Nadwī menukilkan "*Mujurnya Fir'un bodoh tidak pernah memikirkan untuk mengasaskan fakulti-fakulti di universiti. Itulah jalan paling mudah membunuh anak-anak. Kalau dia berbuat demikian namanya tidaklah memalukan dan membawa nama jahat dalam sejarah*".

Penyair ini menyambung lagi, "*Penduduk Timur menghapuskan musuh dengan dengan memotong kepala, tetapi orang Barat merubah tabiat dan hati musuh*". Perkara yang sama diungkapkan semula oleh pemikir dan penyair agung Muhammad Iqbal dengan mengatakan "*Anda tidak harus merasa aman dengan ilmu yang anda pelajari, justeru ia boleh membunuh roh umat seluruhnya*". Seterusnya Iqbal secara tegas mengatakan "*Pendidikan adalah rahim yang boleh menghilangkan syakhshiyah makhluk yang hidup dan membentuknya mengikut acuan yang ia kehendaki, ia lebih kuat dan berkesan lebih dari mana-mana bahan kimia, ia merubah sebuah bukit besar menjadi debu tanah yang halus*".

Abū al-Ḥasan 'Alī al-Nadwī memberikan pandangan untuk membetulkan keadaan melalui sistem pendidikan bersepadu, suatu revolusi yang memerlukan pemikiran yang berani, original bukannya mengending di meja Barat. Ia memerlukan kekreatifan dalam mengemukakan bahan pengajaran yang kesemuanya ini hanyalah boleh dilakukan para peringkat kerajaan dan akademi-akademi pengajian yang berwibawa.

Selain dari kepakaran, keikhlasan, keazaman yang sungguh-sungguh, pengorbanan yang tidak mengenal lelah dan letih juga memerlukan kepada persekitaran yang sesuai bagi membantu pertumbuhan sahsiah Islamiah itu.

PENUTUP

Dari perbincangan ringkas ini penulis ingin menyimpulkan, Abū al-Ḥasan 'Alī al-Nadwī tidak syak lagi seorang tokoh pemikir Islam semasa yang cukup banyak buah pemikirannya yang mesti dihalusi oleh generasi hari ini. Suatu usaha menyelidiki secara lebih mendalam patut ditubuhkan seperti apa yang dilakukan terhadap karya-karya Malik Ben Nabi di bawah pimpinan Kamil 'Umar Masqawi.

Pemikiran tokoh ini tidak wajar menjadi satu khazanah ilmu semata-mata tetapi mesti diterjemahkan dalam bentuk amali kerana ia mencerminkan *sīrah nabawiyah* pada zaman kini. Ia melengkapkan idea-idea tokoh pemikir semasa yang meninggal sebelumnya seperti Syed Qutb, al-Maudūdī, Syeikh Muḥammad al-Ghazālī, Mohd Natsir dan lain-lain yang perlu dihayati sebagai sambungan usaha *al-Salaf al-ṣālih*.

Para pensyarah sepatutnya mendorong pelajar mereka mengusahakan kajian ilmiah yang berkait dengan pemikiran mereka ini dalam berbagai aspek. Khusus tentang Abū al-Ḥasan yang kita bincangkan ini beberapa aspek penting patut dikaji:

- (a) Pembentukan karekter atau sahsiah bersepadu yang memiliki kesarjanaan yang tinggi dalam ilmu keagamaan dan pemikiran semasa.
- (b) Kekuatan bahasa Arab sehingga mengalahkan pengarang Arab sendiri.
- (c) Kehidupan yang zuhud secara praktis.
- (d) Sifatnya yang merendah diri dan pengaruhnya yang merakyat.
- (e) Mencapai taraf antara bangsa dan mendapat penghargaan umat Islam sedunia.
- (f) Pemikiran yang tajam, praktikal dan bersifat penyelesaian masalah.

Semoga Allah mencurikan rahmat ke atas rohnya dan para pejuang Islam yang lain samada yang sudah mati atau masih hidup.

SUMBER RUJUKAN UTAMA

- Al-Nadwī, Abū al-Ḥasan ‘Alī al-Nadwī, *Mādhā Khasira al-‘Ālam bi Inḥiṭāṭ al-Muslimīn*, cet. 10, Dar al-Ansar, Kahirah, 1977
- _____, *Naḥw al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah al-Ḥurrah*, al-Mukhtar al-Islami, Kahirah, 1976
- _____, *Al-Ṣīrah bayn al-Fikrah al-Islāmiyyah wa al-Fikrah al-Gharbiyyah*, cet. 2, Kuwait, 1968
- al-Majzūb, Muḥammad, *‘Ulamā’ wa Mufakkiṛūn ‘Araftuhum*, cet. 3, Dār al-I’tisam, 1983.
- Mohd Kamil Hj Ab Majid, *Kisah dan Hikmah Surah al-Kahfi*, Kuala Lumpur, 1994.
- _____, *Tokoh-Tokoh Pemikir Islam*, ABIM, Petaling Jaya, 1993.
- _____, *Tajdīd: Perspektif Sejarah Dan Masa Kini*, Penerbit Universiti Malaya, 2000.